

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN DR. MASZLEE B. MALIK (SIMPANG  
RENGGAM)**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DR. MASZLEE BIN MALIK [ SIMPANG RENGGAM ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) mengapa sehingga hari ini tiada sabitan mahkamah kepada mana-mana suspek yang ditangkap. Bolehkah pihak Kerajaan memasukkan aktiviti kontraban ini dalam jadual di bawah tindakan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan Akta Kesalahan keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) sebagai senjata untuk mencegah aktiviti ini; dan
- (b) apakah mekanisme yang sepatutnya dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan penjualan rokok haram ini dapat disekat. Bolehkah rokok haram yang dirampas dijual semula sebagai dana Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), kesalahan aktiviti kontraban tidak dapat diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) kerana kesalahan ini tidak tersenarai di bawah Jadual Pertama Bahagian I akta ini.

Sekiranya kesalahan mengenai jenayah kontraband hendak dimasukkan ke dalam Jadual Pertama SOSMA 2012 [Akta 747], Kerajaan perlu melihat kesesuaian samada kesalahan kontraband itu termaktub di dalam mana-mana para dalam *Preamble* SOSMA 2012, antaranya:

- i. Menyebabkan keganasan terancang terhadap mana-mana orang atau harta, atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan itu;
- ii. Memudaratkan ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, atau yang memudaratkan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.

Bagi menjawab soalan (b), beberapa langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menyekat penjualan rokok haram seperti berikut:

- i. Operasi penguatkuasaan oleh agensi-agensi penguatkuasa dijalankan dengan lebih aktif;
- ii. Pelaksanaan Rasionalisasi AKSEM di bawah pentadbiran PDRM. Penyerapan fungsi AKSEM bersama anggota sedia ada AKSEM diserap di bawah PDRM akan meningkatkan lagi kecekapan dan perjawatan Pasukan Gerakan Am (PGA) untuk terus menjaga keselamatan dan kedaulatan sempadan negara agar terus terpelihara dan mencegah kemasukan rokok haram ke dalam negara;
- iii. Elemen perisikan manusia (HUMINT) sentiasa terus dipertingkat dan diperkemaskan bagi mencegah penyeludupan rokok haram ke dalam negara dengan menjalankan lebih banyak libat urus bersama

## **SOALAN : 26**

masyarakat dan komuniti setempat; dan

- iv. Perkongsian maklumat perisikan dan operasi bersama pasukan negara jiran akan terus dipertingkatkan bagi mengelakkan kes jenayah rentas sempadan termasuklah penyeludupan rokok ke dalam negara.

Berhubung cadangan pelupusan secara penjualan semula rokok haram yang dirampas untuk dijadikan dana kerajaan, KDN berpandangan bahawa kuasa untuk melucut hak dan melupuskan barang rampasan kontrabani seperti rokok haram adalah tertakluk kepada keputusan mahkamah dan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dengan merujuk punca kuasa perundangan di bawah Akta Kastam 1967.

Selain itu, tatacara pelupusan barang kontrabani ini turut termaktub di dalam Perintah Tetap Penguatkuasaan (PTP) Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang merupakan agensi Kementerian Kewangan Malaysia.